


DESTINASI

## Kajang bukan sekadar ada sate sedap, tapi punyai sejarah menarik untuk dijelajah

Sabtu, 21 Disember 2019 12:30 PM



 Peniaga, Siew Poh Chang, 88, menjual lebih 400 jenis biskut yang diimport dari Thailand dan kilang biskut seluruh negara di kedai warisan keluarganya. Foto BERNAMA

**BIASANYA** orang luar yang datang ke Kajang semata-mata ingin menikmati pelbagai hidangan sate yang mula diperkenalkan oleh masyarakat Jawa di daerah ini, sejak awal kurun ke-20.

Walaupun terkenal dan sinonim dengan sate, ramai yang menganggap bandar Kajang sebagai sebuah bandar "mati" yang tiada tarikan pelancong.

Keadaan diburukan lagi dengan masalah kesesakan di beberapa jalan utama di kawasan bandar yang menyebabkan ramai pemandu seboleh-bolehnya cuba mengelak daripada memasuki bandar ini.

**ARTIKEL BERKAITAN:** [Siapa kata Cherating tak best? Ini 5 aktiviti yang boleh anda lakukan termasuk belajar surfing](#)

### *Kajang Heritage Walk*

Namun, di sebalik isu tersebut, terdapat sisi lain tersembunyi serta menarik mengenai bandar Kajang yang ramai tidak tahu.

Pengarah Pusat Warisan Kajang, Lee Kim Sim menerangkan kepada media artifak peninggalan sejarah penting bandar itu di Pusat Warisan Kajang.



*Kim Sim menunjukkan artifak peninggalan sejarah penting Bandar Kajang.*

Pusat Warisan Kajang mula dibuka pada 2000 untuk kunjungan ramai.

Di situ jugalah, sejarah dan warisan bandar Kajang yang berusia lebih 200 tahun itu menjadi antara kekuatan yang dapat dimanfaatkan bandar lama dalam daerah Hulu Langat, Selangor untuk menarik pelancong.

Melalui kerjasama Tourism Selangor, Pusat Warisan Kajang dan Majlis Perbandaran Kajang, inisiatif digembeng bagi membentuk imej Kajang sebagai destinasi pelancongan menarik di Selangor melalui program Kajang Heritage Walk.

Laluan Heritage Walk yang dilancarkan pada 2017 memberi fokus kepada tujuh lokasi menarik untuk disinggahi antaranya Pusat Warisan Kajang, tokong Shen Sze She Yar, kedai biskut klasik, kedai besi dan pejabat Pos Lama Kajang.

Tidak ketinggalan Masjid Jamek Kajang dan Restoran Sate Hj Samuri. Pusat Warisan Kajang menyimpan lebih 300 koleksi artifak, alatan dan dokumen sejarah Kajang mula beroperasi sejak 2000.



### *Lukisan mural pada bangunan lama di Kajang.*

Pusat ini dibuka secara percuma pada setiap Sabtu dari jam 10 pagi hingga 5 petang atau pada hari biasa melalui tempahan.

Pengusaha kedai besi, Hin Wah Tong, 80 tahun, sedang menghasilkan barangan berasaskan besi di kedainya di Bandar Kajang. Kedai yang diwarisi bapanya itu dimasukkan dalam Laluan Warisan Kajang.

Khidmat lawatan berpandu (guide) ke sekitar bandar Kajang turut disediakan dengan bayaran RM30 bagi dewasa dan RM15 bagi warga emas serta pelajar untuk tempoh kira-kira tiga jam.

### **Warisan sejarah Kajang**

Seterusnya, jika anda berjalan menelusuri Jalan Mendaling, Jalan Tengah, Jalan Besar dan Jalan Tukang yang dahulunya dikenali sebagai pekan lama Kajang, anda akan melihat warisan dan nilai-nilai sejarah terutama pada bangunan-bangunan lama yang masih kekal hingga hari ini.

Kemudian jangan lepaskan peluang menjengah ke tokong tertua berusia lebih 120 tahun, iaitu tokong Shen Sze She Yar yang dihiasi ukiran batu kapur unik menyerupai arca naga dari zaman pemerintahan Maharaja China.

Tidak jauh dari tokong tersebut, terletak kedai-kedai biskut berusia lebih 100 tahun.

Salah sebuah kedai klasik itu, diwarisi generasi kedua keluarga Siew Poh Chang, 88 tahun yang menjual lebih 400 jenis biskut yang diimport dari Thailand dan kilang biskut seluruh negara.



*Kajang juga terkenal dengan Sate Hj Samuri.*

Turut menjadi warisan penting bandar Kajang yang masih kekal hingga ke hari ini ialah kedai membuat besi yang sudah beroperasi sejak berpuluh-puluh tahun dahulu.

Melengkapkan jejak laluan warisan kajang ini, anda juga boleh singgah di Pejabat Pos lama bandar Kajang berusia 105 tahun (dibina pada 1914) dan Masjid Jamek Kajang yang terletak tidak jauh dari situ.

Sebelum menamatkan perjalanan Kajang Heritage Walk anda, singgahlah dahulu di Restoran Sate Kajang Hj Samuri, terletak bersebelahan Stadium Kajang dan berhadapan stesen MRT Stadium.

### **Pengkaji sejarah**

Jejak dan pengumpulan sejarah Kajang secara tersusun ini telah diusahakan Kim Sim atau lebih dikenali sebagai Cikgu Lee.

Beliau menjadi tulang belakang yang mengetengahkan sejarah bandar Kajang untuk dikenali dan dimasukkan dalam aktiviti pelancongan di Selangor.

Figura Cikgu Lee, anak kelahiran Kedah ini sememangnya cukup sinonim dengan masyarakat Kajang. Pernah dilantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang selama satu penggal dari 2008 hingga 2013.

Menurut bekas guru Sains dan Biologi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (C) Yu Hua, Kajang ini, beliau sangat berminat dengan sejarah Hulu Langat khususnya bandar Kajang setelah berhenti menjadi guru pada 1996.

"Pada 1999, saya cadangkan kepada Persekutuan Persatuan Tionghua Kajang untuk menubuhkan pusat warisan ini dan cadangan itu dipersetujui dan kekal hingga ke hari ini," katanya yang mula menjadi pendidik pada 1986.



*Kajang terkenal dengan binaan bangunan-bangunan lama.*

Idea penubuhan pusat warisan itu tercetus apabila beliau melihat ramai warga emas yang tahu tentang asal usul dan sejarah Kajang telah meninggal dunia sehingga menyebabkan banyak barang peninggalan sejarah yang disimpan mereka hilang atau pupus.

Ketika itu, walaupun ada maklumat tentang sejarah Kajang melalui penulisan orang-orang lama tetapi maklumat itu tidak tersusun, kata Lee.

Berkat kegigihan, bapa kepada empat anak itu kemudiannya membuat kajian di Arkib Negara Malaysia dan pergi sendiri ke kampung-kampung bagi mengumpul gambar, dokumen dan menemu ramah orang-orang tua di seluruh kawasan Hulu Langat.

"Ketika proses pengumpulan inilah, ada yang berikan alat-alatan serta barang-barang lama seperti cawan susu getah buatan porselin, ada juga yang berikan gambar dan macam-macam lagi hingga penuh pusat warisan ini dengan barangan bersejarah

untuk dijadikan artifak pameran," katanya kepada *Bernama* baru-baru ini.

Antara artifak menarik di pusat warisan ini berupa plak berusia lebih 100 tahun sumbangan seorang bangsawan yang dikatakan berasal daripada warisan Dinasti Qing, dulang melombong bijih timah yang pernah digunakan pelombong-pelombong bijih di sekitar Kajang dan pelbagai barangan lama.

### ***Sejarah awal Kajang***

Selain sejarah Kajang, Cikgu Lee juga telah menyiapkan kajian sejarah pekan-pekan di Hulu Langat antaranya Balakong, Batu 14 Hulu Langat, Batu 18 Hulu Langat, Semenyih, Batu 9 Cheras, Batu 11 Cheras, Beranang dan Broga.

Lantaran kepakaran beliau dalam sejarah daerah Hulu Langat, beliau sering dipanggil untuk membentangkan kertas kerja di beberapa pusat pengajian tinggi tentang kajian dan sejarah pembangunan Kajang.

"Minat saya dalam kajian sejarah ini untuk membantu masyarakat Kajang membina dan menyusun kembali sejarah agar bandar ini menjadi tempat yang berdaya huni dengan pembangunan lengkap dari segi budaya, seni dan alam sekitar," katanya.

Bercerita lanjut sejarah bandar ini, beliau berkata Kajang membawa maksud anyaman daripada tumbuhan rumbia dan nipah yang banyak digunakan untuk dijadikan atap atau tikar.



*Antara artifak peninggalan sejarah penting Bandar Kajang di Pusat Warisan Kajang.*

"Pembukaan awal bandar Kajang sekitar 1870-an oleh masyarakat Mandailing, Rawa, Minangkabau dan sedikit orang Kampar dari Sumatera yang berhijrah ke daerah ini." Kerana itu, ada Jalan Mendailing di sini yang menunjukkan sejarah penting kewujudan masyarakat tersebut," katanya.

Sebelum tahun 1884, bancian yang dibuat oleh British di pekan Kajang waktu itu hanya ada 60 rumah kedai. Daripada jumlah itu, 37 rumah kedai adalah milik orang Mandailing, Minangkabau dan Rawa.

"Orang Mandailing pandai berniaga dan pandai melombong bijih timah tetapi kemudian mereka berpindah ke kampung-kampung apabila kemasukan ramai peniaga-peniaga Cina dan India ke Tanah Melayu," katanya.

Mengakhiri perbualan, Cikgu Lee berharap sejarah Kajang akan terus dipelihara agar lebih dikenali masyarakat umum dan generasi akan datang.

**Tags/Kata Kunci:**

[Kajang](#), [Bandar Sejarah](#), [Heritage Walk](#)

# Sponsored Content



Mattresses | Search Ads

**Comfortable Mattresses in 2021 Might Be Cheaper Than You Think!**



hippostores.com

**Lijiye products ka complete information experts se**



Real Estate Miami | Sponsored Listing

**Real Estate Prices in Miami Might Surprise You**



Next Tech

**Malaysia: New WiFi Booster Stops Expensive Internet**

Recommended by Outbrain |